

Western Digital®

Program Biasiswa We.care

PERIHAL PROGRAM

Program Biasiswa Western Digital We.care telah ditubuhkan pada tahun 2018 untuk menggalakkan anak-anak pekerja kita yang berprestasi tinggi dalam pelajaran supaya dapat merancang untuk menyambung pelajaran di kolej atau universiti empat tahun yang bertauliah.

Program ini ditadbir oleh Scholarship America®, pereka bentuk dan pengurus terbesar bagi biasiswa, bantuan tuisyen dan program sokongan pendidikan lain untuk perbadanan, yayasan, persatuan dan individu di Amerika Syarikat. Biasiswa akan diberikan tanpa mengira bangsa, warna kulit, kepercayaan, agama, orientasi seksual atau keutamaan, umur, jantina, kelainan upaya atau negara asal.

KELAYAKAN

Pemohon Program Biasiswa We.care Western Digital mestilah memenuhi syarat kelayakan ini:

- Menjadi anak tanggungan* pekerja Western Digital yang tetap, sepenuh masa pada tarikh tutup permohonan. Sila ambil perhatian, pekerja mesti didalam posisi bahagian sokongan, profesional atau pengurusan 109 atau ke bawah, atau menjadi ahli kakitangan pembuatan kami (tahap 201-205).
**Anak tanggungan ditakrifkan sebagai anak kandung, anak tiri atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang, menetap di rumah pekerja atau sebahagian besarnya ditanggung oleh pekerja.*
- Mendaftar atau merancang untuk berdaftar sebagai pelajar prasiswazah di kolej/universiti empat tahun yang bertauliah secara sepenuh masa untuk seluruh tahun akademik akan datang.
- Keutamaan akan diberikan kepada pelajar dengan GPA 3.0 pada skala 4.0 (atau yang setara).
- Semua jurusan layak untuk memohon.

BIASISWA

Jika dipilih sebagai penerima, pelajar akan menerima biasiswa antara \$2,000 hingga \$5,000. Jumlah biasiswa akan ditentukan berdasarkan belanjawan tahunan dan negara kolej/universiti yang dihadiri oleh penerima.

Program ini akan ditadbir dengan mematuhi Prosedur Hasil IRS 76-47 (Akta di Amerika Syarikat) sepenuhnya. Tidak melebihi 25% pemohon sahaja yang layak menerima anugerah.

Biasiswa ini tidak boleh diperbaharui, tetapi pelajar boleh memohon semula program ini setiap tahun mereka memenuhi syarat kelayakan.

Pelajar layak menerima biasiswa Western Digital maksimum sebanyak dua (2) kali.

Menurut Prosedur Hasil IRS 76-47 (Akta di Amerika Syarikat), syarat pengalaman bekerja tidak terpakai kepada penerima biasiswa yang layak sebelum ini. Pelajar yang dipilih sebagai penerima tidak perlu memenuhi syarat pengalaman bekerja ibu bapa dalam program ini jika/semasa memohon semula untuk program ini pada tahun akan datang.

Biasiswa yang diberikan adalah untuk kegunaan perbelanjaan berkaitan pendidikan yang dibenarkan (tuisyen, yuran, buku dan bekalan yang diperlukan) sahaja.

Biasiswa adalah untuk pengajian prasiswazah sahaja

Dokumen yang Diperlukan

Sebagai sebahagian daripada permohonan, anda mesti memuat naik dokumen berikut:

- Transkrip gred yang terkini dan lengkap. Laporan Gred sahaja, tidak akan diterima. Transkrip mesti memaparkan nama pelajar, nama sekolah, gred dan jam kredit bagi setiap kursus dan penggal bagi setiap kursus yang diambil.
- Diploma atau sijil sekolah menengah atas, jika ada (Pemohon di luar Amerika Syarikat).
- Keputusan peperiksaan (Pemohon di luar Amerika Syarikat).
- Terjemahan bahasa Inggeris bagi dokumen yang bukan dalam bahasa Inggeris.

Pemohonan anda adalah tidak lengkap sehingga semua dokumen yang diperlukan telah diserahkan secara atas talian.

PEMILIHAN PENERIMA

Penerima biasiswa dipilih berdasarkan prestasi akademik, menunjukkan kepimpinan dan penyertaan dalam aktiviti sekolah dan komuniti, pernyataan matlamat dan aspirasi serta keadaan atau cabaran peribadi atau keluarga yang luar biasa. Dokumentasi keperluan kewangan tidak dipertimbangkan.

Penilaian akademik pemohon perlu meliputi semakan purata gred/markah berdasarkan sistem penggredan yang digunakan di negara pemohon dan semakan keputusan peperiksaan akademik.

Keutamaan akan diberikan kepada pelajar dengan GPA 3.0 pada skala 4.0 (atau yang setara).

Pemilihan penerima dibuat oleh Scholarship America. Tiada pegawai atau pekerja Western Digital Technologies, Inc yang mengambil bahagian dalam pemilihan. Bukan semua pemohon program akan dipilih sebagai penerima. Semua pemohon perlu bersetuju untuk menerima keputusan sebagai muktamad.

PEMAKLUMAN

Semua pemohon akan dimaklumkan pada lewat Mei.

PEMBAYARAN BIASISWA

Scholarship America akan memproses pembayaran biasiswa bagi pihak Western Digital Technologies, Inc. Pembayaran dibuat pada awal bulan Ogos.

HUBUNGI KAMI

Soalan berkenaan program biasiswa hendaklah dikirimkan ke:

E-mel: westerndigital@scholarshipamerica.org

Telefon: +1-507-931-0543